

---

## MENGGONSTRUKSI ‘KESABAHAN’: ANALISIS KRITIS SINEMATIK TERHADAP WACANA KEDAERAHAN

FAIZNUR FARHANA JAAFAR & BADRUL REDZUAN ABU HASSAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ROSLINA ABDUL LATIF  
TAYLOR’S UNIVERSITY

### Abstrak

Secara umumnya, makalah ini memfokus kepada konstruksi sinematik ke atas identiti budaya lokal di negara ini. Filem memainkan peranan sebagai pencetus dan pembina imaginasi massa bagi tujuan memupuk hubungan sosial yang sihat dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Pembikin filem kedaerahan bertanggungjawab mengkonstruksi naratif dan visualisasi masyarakat peribumi serta identiti kedaerahan atau kenegerian yang adil, progresif tanpa mencetuskan prasangka dan prejudis. Makalah ini meletakkan idealisma ini dalam konteks konstruksi sinematik ‘keSabahan’ yang direpresentasikan dalam beberapa naskah filem, teledrama dan drama bersiri. Makalah ini menggembelingkan konsep Orientalisma (Said, 1978) dan *the voyage-in* (Said, 1993) bagi menegaskan bahawa setiap masyarakat peribumi harus mengklaim jati diri mereka yang telah dieksploitasi dan dimanipulasi oleh golongan elit berkuasa. Kajian ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan untuk mengupayakan operasi analisis kritis wacana terhadap naskah filem, telefilem dan drama tempatan terpilih, dan disusuli kaedah temubual temubual berfokus di kalangan pelajar Sabah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Analisis dapatan mencadangkan terjadinya pengherotan, keterasingan dan penstereotaipan terhadap representasi ‘keSabahan’ dalam naskah filem kedaerahan oleh pembikin filem Semenanjung. Dapatan kajian juga turut menegaskan fungsi utama golongan intelektual dalam melaksanakan agenda dekonstruksi demi kepentingan masyarakat peribumi Sabah yang dieksploitasi. Selain itu, makalah ini menyarankan terutamanya pembikin filem kedaerahan supaya berusaha memberikan pencerahan sinematik yang adil dan benar supaya konstruksi ‘keSabahan’ tidak lagi diremehkan di hadapan khalayak negara ini.

*Kata kunci* : Pengherotan, penstereotaipan, keterasingan, *the voyage-in*, filem kedaerahan,

## CONSTRUCTING ‘SABAH-NESS’: A CRITICAL CINEMATIC ANALYSIS ON THE TROPE OF REGIONALISM

### Abstract

In general, this article looks at the cinematic construction of local cultural identities in Malaysia. Film may assume a dual function, as promoter and creator of social imaginary for the purpose of nurturing social relations between members of a multiethnic society. Filmmakers who are interested in regional cinema are responsible for constructing both narrative and visualisation of the locals and their vicinities that is fair, progressive and without malice or prejudice. This article situates such idealism in the cinematic construction of Sabah-ness in film, teledrama and

serialised drama. The conceptual framework for this analysis is informed both by the discourse of 'Orientalism' (Said, 1978) and '*the voyage-in*' (Said, 1993). Said maintains that indigenous societies must assert their authority in the project of reclaiming their cultural identities which have suffered from exploitation and manipulation at the hands of the dominant elites. This study deploys content analysis as a method of textual deconstruction which is followed by focus group interviews with Sabahans studying at Universiti Kebangsaan Malaysia. The findings of this study suggest there are occurrences of distortion, alienation and the stereotyping in the representation of 'Sabahness' by Peninsular filmmakers. Hence, filmmakers as intellectuals have an advocative role to play in enlightening and safekeeping the interest of the natives so that the construction Sabahness should never ever have to be compromised again before the audiences of this country.

*Keyword: Distortion, stereotyping, alienation, the voyage-in, regional film*

## **PENGENALAN**

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang kaya dengan kerencaman etnik dan budayanya. Dalam proses pembangunan pada hari ini, budaya membawa perubahan kepada institusi masyarakat Malaysia dan perlunya usaha untuk mengekalkan dan meraikan kepelbagaian yang dimiliki oleh rakyatnya. Masyarakat yang datang daripada pelbagai daerah seluruh negeri di Malaysia menjelmakan keunikan setiap masyarakatnya yang mempunyai ciri masyarakat kedaerahan tersendiri. Menurut Dent *et al* (2007), 'kedaerahan' merujuk kepada asas seperti sebuah struktur, proses dan perkiraan yang sedang berusaha ke arah kesepaduan yang lebih besar di rantau antarabangsa dalam konteks tertentu iaitu dari segi ekonomi, politik, keselamatan, sosio budaya dan perhubungan. Pada hari ini, ciri kedaerahan, - dalam erti kata ciri-ciri khas kebudayaan sesuatu masyarakat tempatan seperti bahasa atau dialek, adat resam, kepercayaan, mitos, makanan termasuk tradisi sosioekonomi seperti pertanian, perikanan dan perladangan - begitu menonjol dalam pelbagai produk budaya popular seperti filem tempatan yang dihasilkan oleh pembikin filem tempatan. Lazimnya, pembikin filem 'kedaerahan' akan berusaha memperlihatkan keadaan sosial dan budaya yang berlegar dalam sesebuah masyarakat tempatan itu sehingga filem itu dikonstruksikan sebegitu rupa sehingga penayangannya mendapat kelulusan pemerintah. Di samping itu, kelainan naratif dan visualisasinya pula seolah-olah dapat diterima oleh masyarakat dan khalayak filem negara ini sebagai satu keadaan semula jadi yang tidak perlu dipersoalkan, bahkan mungkin ada yang merasakan inovasi dan keunikan filem dalam kategori ini perlu terus diraikan. Pun begitu, mengadaptasikan sebuah retorik konsumerisme, makalah ini ingin mengemukakan suatu

pertanyaan yang walaupun kedengaran agak ‘klise’ tetapi penting: Apakah inovasi dan produk budaya ini selamat digunakan? Struktur penghujahan makalah ini dapat dibahagikan kepada 3 bahagian utama. Pertama, makalah ini mengulas serba ringkas senario mutakhir filem ‘kedaerahan’ dan permasalahan konseptual yang timbul dari aspek konstruksi sinematik; kedua, makalah ini mengukuhkan hujahan hasil penemuan diskursif dan kualitatif; dan ketiga, makalah melakukan ‘wacana tandingan’ (counter-discourse) dengan membahaskan implikasi kepada trend sinematik dalam wacana kedaerahan kontemporari.

### **SENARIO FILEM ‘KEDAERAHAN’**

Selama ini industri filem di Malaysia menggunakan formula tema yang ternyata sudah berkesan dalam menarik penonton misalnya cinta, kisah rumahtangga, komedi dan keganasan. Menurut Abdul Wahab Hamzah (2003) menerusi kajian *Audien: Sikap dan Harapan Audien Filem di Malaysia*, faktor budaya dan identifikasi berperanan sebagai faktor pendorong penonton tempatan mahu menonton filem tempatan. Bermula sekitar tahun 2000, ada kecenderungan dalam pembikinan filem mewujudkan filem yang memiliki unsur-unsur tempatan dan tradisional yang spesifik meliputi ciri-ciri dialek, kesenian dan adat resam sesebuah sub-etnik Melayu atau Bumiputera. Sebuah contoh yang menggambarkan fenomena ini ialah filem *Anak Mami The Movie* (2000) yang diarahkan oleh Prof. A Razak Mohaideen memaparkan kisah beberapa buah keluarga berketurunan ‘Anak Mami’ yang juga dikenali sebagai masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang.

Dalam hal ini sebenarnya kita sedang melihat berlakunya perubahan konsep naratif dalam kalangan pembikin filem tempatan yang mula mengangkat dan mengenengahkan filem yang berunsur kedaerahan atau ‘kenegerian’ untuk diketengahkan ke dalam filem tempatan. Arus perubahan ini diilhamkan di peringkat rakyat yang memberikan idea kepada pembikin filem untuk mengangkat kepelbagaian dan keunikan sesebuah daerah dan masyarakat di sesebuah negeri. Unsur-unsur di atas dilihat cenderung mewakili aspek ‘kenegerian’ dalam pembikinan filem Melayu yang sememangnya memerlukan sumber imaginasi yang baru dan segar yang akan sentiasa diperbaharui untuk disampaikan kepada penonton sebagaimana yang telah dilakukan oleh Dain Said dalam filem *Bunohan* (2012). Dain berjaya mengkonstruksi unsur-unsur kenegerian Cik Siti Wan Kembang melalui pengolahan dari aspek bahasa dan mitos tempatan.

Hampir keseluruhan filem ini menggunakan dialek Kelantan dan mengeksploitasi mitos 'buaya putih' yang cukup terkenal dalam kalangan masyarakat Kelantan.

## **FOKUS**

Dalam konteks pembangunan filem nasional, hal yang disebutkan di atas amat bertepatan dengan penegasan yang diajukan oleh Hatta Azad Khan (2014), bahawa usaha meningkatkan idealisme kesenian dan warisan industri kreatif tempatan harus sejajar dengan pemaparan identiti dan pencapaian artistik mempunyai bersifat lokal, identiti, ideologi yang diwarnai oleh kebitaraan 'roh' atau semangat parokialistik yang tersendiri. Dalam erti kata lain, filem berciri 'kedaerahan' yang dibikin oleh anak jati Malaysia sebenarnya mampu mengetengahkan satu budaya sinematik yang bermakna kepada rakyat jelata. Menurut Hatta, inilah tantangan sebenar industri filem nasional yang bertujuan memahami dan meningkatkan kesedaran mengenai kerencaman identiti dan warisan kedaerahan dan kenegerian di negara ini. Saranan Hatta ini wajar ditelaah dalam konteks fenomena perfileman berwacana kedaerahan (baca 'kenegerian') di Sabah.

Negeri Sabah mula menjadi 'tuan rumah' sejak tahun 1970-an melalui filem arahan Aziz Satar, *Keluarga Si Comat* (1975) terbitan Sabah Film Sdn. Bhd. milik anak watan Sabah, Datuk Hj. Deddy M. Borhan. Dalam filem ini landskap fizikal Sabah yang kaya dengan keindahan alam semulajadi dijadikan sebagai lokasi latar termasuklah pemotretan landskap Gunung Kinabalu yang menjadi kebanggaan rakyat Sabah. Tetapi, sejauhmanakah identiti 'keSabahan' termasuklah keunikan dan keunggulan warisan parokial pribuminya dapat dilestarikan oleh pembikin filem yang majoritinya berpusat di Semenanjung? Oleh itu, kajian ini secara khususnya bertujuan untuk memahami konstruksi dan implikasi konstruksi identiti 'keSabahan' seperti bahasa, identiti dan mitos dan kerencaman pribuminya dalam industri perfileman di Malaysia.

## **KERANGKA KONSEPTUAL**

Berdasarkan permasalahan di atas, makalah ini mengemukakan sebuah kerangka konseptual yang dibangunkan oleh Edward Said, sarjana dan pengkritik kolonialisme Eropah-Barat-Israel menerusi gagasan intelektual yang sangat berpengaruh dalam *Orientalism* (1978) dan *Culture and Imperialism* (1993). Tujuan menggabungkan intipati kedua-dua mahakarya ini adalah untuk menjelaskan epistemologi perlawanan atau wacana tandingan terhadap sebarang

bentuk penindasan oleh elit berkuasa seperti yang disarankan oleh Said sepanjang hayat beliau. Menurut Said dalam karya termasyurnya *Orientalism* (1978), Barat memandang Timur sebagai masyarakat yang didominasi oleh sifat keanak-anakan, tidak bertamadun, tidak matang dan tidak logik atau rasional. Oleh yang demikian, beliau menyeru golongan pribumi dan terjajah untuk bangun menentang, menolak, membetulkan representasi yang dimanipulasi, dieksploitasi dan tidak berpaksikan pada kebenaran yang hakiki. Said menganjurkan konsep '*the voyage-in*' (1993) dalam *Culture and Imperialism* kepada golongan intelek dari masyarakat pribumi yang ditugaskan untuk menggunakan kesarjanaan mereka sebagai pencerahan yang kritikal terhadap eksploitasi dan manipulasi oleh elit yang berkuasa. Dalam erti kata lain, '*the voyage-in*', yang secara literalnya bermaksud 'pelayaran ke dalam', merupakan gagasan konseptual yang sekaligus bernuansa 'pseudo' sosio-politik kerana ia menganjurkan reaksi yang komunikatif di ruang-ruang publik. Ia memerikan peranan yang harus diangkat oleh cendekiawan kebudayaan dan kesenian yang bertanggungjawab untuk memberi penegasan bahawa masyarakat lokal harus menuntut suara mereka didengar supaya mereka boleh berkata-kata untuk tujuan memurnikan semula identiti untuk pengetahuan sejagat. Menurut Said, pengherotan, penstreotaipan dan keterasingan merupakan suatu bentuk pelecehan melalui tiga kategori konstruksi pribumi yang prejudis yang diterapkan ke dalam ruang publik sebagai identiti popular mereka di mata dunia sejagat.

Pengherotan melihat kepada keadaan apabila berlaku penyimpangan dari makna sebenar yang disampaikan telah dilakukan oleh pembikin filem tersebut. Pino (2010) berpendapat bahawa pemaparan dalam budaya, profesional, agama, politik, pengalaman sosial tidak boleh diputarbelitkan dan diherotkan, yang seterusnya akan menyebabkan wujudnya intepretasi yang salah terhadap identiti sesebuah pihak. Apabila makna yang asal dimanipulasikan maka telah menjejaskan usaha untuk memelihara keluhuran dan identiti yang penting dalam sesebuah masyarakat pribumi tersebut. Penstreotaipan menurut Allport (1958) melihat hal ini sebagai sebuah kepercayaan yang dilebih-lebihkan oleh pihak tertentu berkaitan sesuatu hal berkaitan. Hal ini turut disokong menerusi kenyataan Childs et al (1997) menyatakan stereotaip berdasarkan kaca mata pascakolonial merujuk kepada pandangan yang sangat umum penjajah tentang dijajah. Pandangan ini kebanyakannya berbaur negatif dan berdasarkan pandangan yang bersifat perkauman atau prejudis rakyat dijajah. Menurut Recep (2011), keterasingan biasanya

dianggap sebagai satu konsep yang berkaitan dengan minoriti, golongan miskin, penganggur dan lain-lain kumpulan terpinggir yang mempunyai kuasa terhad untuk membawa perubahan dalam masyarakat.

Justeru, seorang pembikin filem adalah juga seorang intelektual masyarakat yang harus disedarkan dari lamunan 'kolonial'nya dari terus menjadikan filem kedaerahan sebagai alat produksi kebudayaan yang tidak berintegriti. Projek menuntut kembali identiti dan representasi 'keSabahan' melalui intervensi golongan cendekiawan dalam menyiasat dan menolak 'fitnah' yang dikonstruksikan dalam filem kedaerahan yang diimajinasikan 'di luar' fikrah, semangat dan pengetahuan pembikin filem tersebut.

## **METODOLOGI**

Konstruksi identiti 'keSabahan' termasuklah keunikan dan keunggulan warisan parokial pribuminya yang dilestarikan oleh pembikin filem yang majoritinya berpusat di Semenanjung akan diteliti semula. Representasi tersebut akan dilihat menerusi filem-filem terpilih yang mengangkat latar dan identiti pribumi Sabah yang dipaparkan oleh pembikin filem tempatan. Terdapat dua metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini bertujuan saling lengkap-melengkapi dari segi dapatan penemuan. Pertama, analisis isi kandungan teks-teks terpilih iaitu filem *Gerimis Mengundang* (2012), telefilem *Hatiku Di Kinabalu* (2011) dan drama *Akinabalu* (2010), yang kesemuanya dihasilkan oleh pembikin filem daripada Semenanjung Malaysia. Kaedah analisis kritis wacana akan digunakan untuk memetakan kod-kod semiotik sosial seperti sosiobudaya, bahasa, landskap dan mitologi. Kedua, temubual kumpulan berfokus ke atas enam (6) orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berasal dari Sabah. Informan diminta untuk menonton filem, telefilem dan drama di atas sebelum ditemubual menggunakan soalan berstruktur. Sinopsis ketiga-tiga teks adalah seperti berikut:

### **a. Sinopsis *Gerimis Mengundang* (arahan Ahmad Idham, 2012)**

Filem yang diarahkan oleh sutradara Ahmad Idham ini mengangkat tema melodrama. Kisah ini antara Zamani seorang juruterbang Sabah Air dan Mikha anak wakil kedutaan besar Republik Indonesia yang bertemu di Kota Kinabalu, Sabah. Hampir keseluruhan jalan cerita dalam filem

ini menggunakan lokasi menarik berlatar belakangkan landskap terkenal sekitar bandaraya Kota Kinabalu, Sabah.

**b. Sinopsis *Hatiku Di Kinabalu* (arahan MJ Woo dan Carolyn Wong, 2011)**

Telefilem yang diterbitkan pada tahun 2011 ini mengangkat tema romantik. Mitos Gunung Kinabalu dijadikan sebagai unsur utama dalam mengetengahkan percintaan antara Anuar dan Qistina yang berasal daripada negeri Sabah. Dalam telefilem ini, terdapat penceritaan mitos asal-usul nama Gunung Kinabalu yang terkenal dalam kalangan masyarakat Sabah. Telefilem ini menggunakan landskap semulajadi terkenal di Sabah iaitu Gunung Kinabalu sebagai daya penarik utama.

**c. Sinopsis *Akinabalu* (arahan Khabir Bhatia, 2010)**

Drama bersiri ini mempunyai lapan episod dan merupakan arahan Khabir Bhatia. Kisah *Akinabalu* digarap berdasarkan kejadian *Sandakan Death Marches* pada zaman penjajahan Jepun di Sabah sekitar 1942 hingga 1945. Kisah ini berlaku selepas peperangan Singapura pada tahun 1942, tawanan perang Australia dan British telah dihantar untuk dikerah membina landasan lapangan terbang tentera dan kem tawanan perang di Sandakan, Sabah. Oleh kerana tidak mendapat layanan sewajarnya, bilangan tawanan semakin berkurangan dan lemah untuk meneruskan kerja pembinaan. Kecewa dengan hasil kerja mereka, komanden kem Kapten Hoshijima Susumu mengeluarkan perintah untuk menembak mati baki tawanan yang masih hidup. Walau bagaimanapun enam askar British telah berjaya melarikan diri dan berusaha untuk menyelamatkan diri. Lagenda Akinabalu yang terkenal dalam kalangan masyarakat Kadazandusan, Sabah digunakan sebagai elemen penarik dalam drama bersiri ini.

**ANALISIS KONSTRUKSI SINEMATIK ‘KESABAHAN’**

Analisis dekonstruksi wacana yang telah dilakukan ke atas setiap teks menemukan pola kategori yang konsisten iaitu pola pengherotan, penstereotaipan dan keterasingan:

**a. Pengherotan**

Pemetaan pertama ialah melihat kepada unsur pengherotan (*distortion*) atau lebih difahami sebagai sesuatu makna yang tidak tepat dalam merepresentasikan ‘keSabahan’ yang telah dilakukan oleh pembikin filem. Keluarga angkat Zamani dalam filem *Gerimis Mengundang* dipaparkan oleh sebagai masyarakat pribumi yang masih tinggal di rumah yang menggunakan atap rumbia, dinding dan lantai menggunakan kayu buluh. Pengherotan terhadap kehidupan masyarakat pribumi yang hidup dalam kedaifan digambarkan dalam filem menyimpang daripada kehidupan masyarakat Sabah pada hari ini yang sudah menerima pembangunan infrastruktur yang lengkap. Akibat pemaparan sebegini memberikan bayangan secara tidak langsung kepada penonton yang membayangkan kehidupan daif masyarakat Sabah yang masih keterbelakang.

Dalam telefilem *Hatiku Di Kinabalu*, pembikin filem cuba mengkonstruk pemaparan lagu tempatan terkenal di Sabah iaitu *Sayang Kinabalu* sebagai premis kepada kepercayaan bahawa orang luar yang mahu mendaki Gunung Kinabalu perlu menghafal lagu *Sayang Kinabalu* untuk mengelak kemarahan nenek moyang. Perhatikan perbualan di antara Qistina dan Anuar di bawah:

Qistina: Kalau betul mau naik, kena ada syarat.

Anuar: Syarat? Syarat apa?

Qistina: Emm..syaratnya kena nyanyi lagu kebudayaan Sabah.

Anuar: Oh. Kita nak nyanyi, kena hafal?

Qistina: Emm

Anuar: Jadi awak nak ajar sayalah ni?

Qistina: Iyalah. Mesti kena mau nyanyi kalau tidak nanti nenek moyang marah.

Pembikin filem menggambarkan bahawa lagu tempatan ini sebagai satu syarat yang diajarkan kepada penonton bahawa pribumi Sabah perlu menghafal lagu ini sebagai tanda hormat kepada semangat yang dikatakan ada di Gunung Kinabalu. Gambaran ini sebagai sebuah sindiran sinikal kepada pribumi Sabah yang digambarkan pembikin filem sebagai masyarakat yang masih percaya perlu ada ucapan mantera sebagai tanda hormat kepada semangat atau penjaga sesebuah tempat. Makna peyampaian lagu tersebut disimpangkan daripada mesej sebenar yang sepatutnya difahami oleh penonton. Walhal lagu ini sebenarnya



ialah salah sebuah lagu tempatan di Sabah yang cukup terkenal sebagai mempromosikan keindahan negeri Sabah. Lagu Sayang Kinabalu ciptaan anak jati Sabah, Asmin Mudin ini merupakan lagu yang diangkat sebagai lagu tema pelancongan negeri Sabah pada tahun 2008 (Bernama 2010).

Berdasarkan hasil dapatan temubual berfokus yang dijalankan dalam kalangan informan pelajar Sabah ini menyokong kepada adanya unsur pengherotan dalam identiti 'keSabahan' yang dipaparkan dalam filem yang ditonton oleh mereka. Hampir kesemua informan menyatakan kekecewaan mereka terhadap representasi identiti pribumi Sabah yang digambarkan masih tinggal di rumah yang menggunakan atap rumbia dan bambu.

*Informan 1: "saya tidak fahamlah kenapa orang suka tunjuk rumah-rumah yang masih pakai atap rumbia ni..sebab kasi tayang imej macam beginilah orang Semenanjung masih fikir semua orang Sabah ni memang sampai sekarang tinggal di rumah begitu".*

*Informan 2: "tu lagu Sayang Kinabalu..kira lagu rakyatlah bah kan..lagu yang secara nda langsung untuk kenalkan orang Sabah dengan negeri luar tiba-tiba dicakap kena hafal untuk syarat naik gunung..lucu pulak saya dengar..macam mengulok orang Sabah ja ne mau cakap kita ni masih kuat terlampau percaya dengan tahyul".*

## **b. Penstreotaipan**

Tajuk yang menjadi pilihan pembikin filem sesebuah cerita tersebut mempunyai unsur yang secara langsung memberi pandangan streotaip kepada penonton bahawa ini merupakan cerita yang ada kaitan dengan negeri Sabah dan rakyatnya. Seringkali pemilihan sesebuah tajuk yang diilhamkan oleh pembikin filem bermain dengan identiti golongan pribumi Sabah yang sudah diarus perdanakan, iaitu pribumi Kadazandusun.

Dalam drama *Akinabalu* yang mengambil latar berdasarkan kisah benar yang berlaku di Sabah sekitar tahun 1940-an mengambil tajuk *Akinabalu*. Pembikin filem dalam drama ini cuba untuk mengaitkan kisah yang dialami oleh tentera British yang terlibat dengan *Sandakan Death Marches* dengan semangat nenek moyang Gunung Kinabalu yang dipercayai oleh penduduk tempatan akan membantu anak cucu mereka dan melindungi mereka daripada bahaya. Bidder *et al* (2014) menyatakan *Aki* membawa maksud nenek moyang manakala *Nabalu* merujuk kepada

gunung dalam bahasa Kadazandusun. Majoriti masyarakat Kadazandusun percaya bahawa roh-roh nenek moyang mereka kekal bersemadi di puncak Gunung Kinabalu.

Menurut Fanon (2008) ciri stereotaip adalah disebabkan oleh sekumpulan orang-orang yang tinggal di lokasi geografi yang sama. Penstreotaipan ini terjadi apabila khalayak luar terpengaruh dengan imaginasi yang sudah diurus perdanakan oleh pembikin filem sehingga tidak nampak realitinya bahawa khalayak tidak berkenalan sepenuhnya dengan negeri Sabah dan penduduk pribuminya yang dikonstruksikan secara sinematik. Penonton telefilem hanya diajak untuk berkenalan dengan produk pelancongan yang dipromosikan oleh pembikin filem. Representasi 'keSabahan' itu dibebankan pada Gunung Kinabalu sahaja sebagai kebanggaan Sabah memandangkan gunung ini merupakan yang tertinggi di Asia Tenggara dengan ketinggian 4,085 meter (Er Ah Choy 2014).

Seperti yang dipaparkan dalam filem *Gerimis Mengundang*, landskap Gunung Kinabalu menjadi latar berulang yang digunakan pembikin filem untuk menunjukkan lokasi dalam filem tersebut. Gunung Kinabalu sudah sinonim sebagai simbolik negeri Sabah. Menurut Habibah Ahmad *et al* (2013), aset semula jadi yang berasaskan alam sekitar dan budaya sudah menjadi sebahagian elemen penting dalam memajukan industri pelancongan. Gunung Kinabalu menjadi objek penarik untuk mempromosikan landskap menarik di negeri Sabah. Pembikin filem menjadikan landskap gunung ini sebagai sebuah promosi produk pelancongan seiring dengan seruan kerajaan membawa penonton berjalan-jalan melihat landskap menarik dalam filem yang ditonjolkan.

Berbeza dengan hasil dapatan yang diperolehi dalam temubual berfokus ini mendapati ada dapatan yang tidak menyokong unsur penstreotaipan yang ditunjukkan dalam filem dan telefilem yang ditonton oleh informan.

*Informan 1: "pengalaman saya naik Gunung Kinabalu beberapa bulan sebelum ni, saya sempat tanya tourist yang sama-sama memanjat tu, diorang cakap orang luar negara kenal Malaysia sebab Gunung Kinabalu, tu salah satu faktor penarik pelancong datang Malaysia so bagi saya tidak timbul masalah gunung ni satu isu yang stereotaip".*

*Informan 2: "negeri kita ni kaya dengan landskap yang lawa-lawa, semua pelancong berebut mau datang Sabah. Even laut pun cantik macam dalam Gerimis Mengundang tu, at least pengarah berusaha mau tunjuk Sabah ni kaya dengan keindahan alam di gunung ada laut pun ada".*

### c. Keterasingan

Rasa keterasingan terjadi apabila masyarakat pribumi ini direpresentasikan seolah-olah kurang diintegrasikan bersama dengan masyarakat lain, yang bermaksud seolah-olah dalam permodenan ini masyarakat pribumi Sabah masih dianggap kurang membangun. Dalam satu dialog yang digambarkan oleh pembikin filem mewujudkan rasa keterasingan yang dialami oleh masyarakat pribumi juga dalam telefilem *Hatiku Di Kinabalu*:

Qistina : Kenapa kau? Habis basah ku ini hah. Kenapa kau bah. Hah! Kau kenapa bah?

Anuar : Kenapa..kenapa bahasa kau macam orang gunung ni?

Qistina : Kau ni kenapa bah?

Perkataan ‘orang gunung’ yang dilontarkan oleh watak Anuar tersebut seolah-olah digambarkan oleh pembikin filem bahawa masyarakat pribumi Sabah ini orang yang berasal daripada luar bandar iaitu kawasan pergunungan. Menurut Butt & Price (1999) ‘orang gunung’ atau disebut sebagai *mountain people* berdepan dengan cabaran dunia moden dan masih bergantung pada sumber hutan untuk menyara kehidupan demi kelangsungan hidup. Istilah ‘orang gunung’ ini seolah-olah membayangkan bahawa orang Sabah masih keterbelakang dan terasing daripada pembangunan. Babak ini mewakili watak Qistina sebagai masyarakat pribumi Sabah yang rasa terbuang yang disimbolkan oleh pembikin filem sebagai ‘orang gunung’ dengan bahasa pertuturan yang tidak biasa didengar oleh orang luar yang diwakili oleh watak Anuar.

Hiew (2012) menyatakan isu pembangunan di Sabah berada 15 tahun di belakang Semenanjung dan masih berada dalam kelompok antara negeri termiskin, malah berdepan dengan sistem pengurusan ekonomi yang kurang bagus. Kenyataan yang dikeluarkan oleh akhbat tempatan pada beberapa tahun yang lalu memberikan satu seruan bahawa pentingnya komitmen dipihak pemerintah persekutuan untuk terus membawa agenda pembangunan misalnya dari sudut infrastruktur dan pendidikan untuk memastikan kehidupan pribumi Sabah terus maju dan tidak keciciran.

Berdasarkan hasil dapatan temubual berfokus yang dijalankan dalam kalangan informan ini menyokong kepada adanya unsur keterasingan dalam identiti ‘keSabahan’ yang dipaparkan dalam filem yang ditonton oleh mereka.

*Informan 1: “bila pengarah tunjuk cerita yang paparkan orang Sabah ni macam masih mundur, inilah punca orang Semenanjung fikir Sabah ni daif sangat. Kita sudah maju ke depan macam negeri lain..macam kita ni mundur betul”.*

*Informan 2: “bila first time datang Semenanjung, kawan-kawan saya yang negeri luar ni tanya, kamu di Sabah masih tinggal atas pokok ka..di sana tiada shopping mall ka macam yang selalu diorang tengok di TV..pengarah patutnya adillah kasi tunjuk kemajuan Sabah..orang Sabah ni sama ja sebeanrnya macam masyarakat negeri lain”.*

## **RUMUSAN ANALISIS KONSTRUKSI SINEMATIK ‘KESABAHAN’**

Dapatan analisis konstruksi sinematik ‘keSabahan’ mencadangkan bahawa berlakunya pengherotan, keterasingan dan penstereotaipan yang memberi implikasi terhadap representasi identiti ‘keSabahan’ yang dikonstruksi oleh pembikin filem tempatan. Perjuangan dan wacana untuk menuntut semula suara-suara dan representasi ‘keSabahan’ yang lebih asli, benar dan tepat untuk menyedarkan pembikin filem dan khalayak dari pengherotan, penstereotaipan dan keterasingan yang dikonstruksi oleh naskah-naskah terpilih.

### **a. Pengherotan**

Pengherotan melihat kepada keadaan apabila berlaku penyimpangan dari makna sebenar yang disampaikan telah dilakukan oleh pembikin filem tersebut. Seperti yang dinyatakan Said (1993) penguasaan golongan yang berkuasa ini telah mengakibatkan budaya, sejarah, nilai, dan bahasa orang Timur telah diabaikan dan diherotkan. Lantas usaha elit berkuasa ini untuk menguasai dan mengeksploitasi golongan Timur atas nama untuk menyedarkan membawa ketamadunan mereka yang dijajah. Perbincangan ini melihat pada konteks pembikin filem yang datang daripada luar negeri membawa agenda sebagai elit berkuasa dalam membawa paparan secara umum untuk mencitrakan identiti ‘keSabahan’ pada pribumi Sabah yang diarusperdanakan untuk khalayak penonton.

Mengingat betapa negeri Sabah itu kaya dengan pelbagai suku kaum dan dialek-dialek yang pelbagai meliputi beberapa daerah yang ada, dapatlah dikatakan bahawa identiti ‘keSabahan’ itu mungkin akan kehilangan unsur keunikannya sekiranya ia dibina mengikut kaca mata pembikin filem yang bukan orang asal Sabah. Seperti yang dinyatakan Rozeyta *et al* (2009),

negeri Sabah mempunyai lebih kurang tiga puluh etnik suku kaum antara Kadazandusun, Bajau dan Murut yang merupakan antara kumpulan terbesar di Sabah. Manakala suku kaum yang lain seperti Kedayan, Bisaya, Irranun, Rungus, Lundayeh, Orang Sungai, Brunei, Tidung dan Suluk. Setiap suku itu mempunyai keunikan tersendiri untuk ditonjolkan kepada khalayak yang boleh diangkat ke layar skrin.

Bertitik-tolak daripada pengherotan ini menyebabkan wujudnya implikasi penstereotaipan yang dilabelkan kepada Sabah dan rakyat Sabah sendiri. Proses penstereotaipan ini terjadi apabila khalayak membuat tafsiran lalu memberi pengertian kepada fenomena persekitarannya menerusi imaginasi yang dijelmakan oleh pembikin filem. Menurut Edger *et al* (2004) konsep stereotaip sebagai sebuah pandangan terlalu dipandang mudah dan biasanya sarat dengan nilai daripada sikap, tingkah laku dan jangkaan sesebuah kumpulan atau individu. Gunung Kinabalu lambang kemegahan Sabah dan penduduknya. Seringkali montaj Gunung Kinabalu divisualisasikan ke dalam skrin sebagai tanda bahawa inilah karya yang berlatarbelakangkan Sabah. Namun representasi 'keSabahan' itu seharusnya tidak hanya dibebankan pada Gunung Kinabalu sahaja sebagai simbol inilah wajah Sabah.

#### **b. Penstereotaipan**

Childs *et al* (1997) menyatakan stereotaip berdasarkan kaca mata pascakolonial merujuk kepada pandangan yang sangat umum penjajah tentang dijajah. Pandangan ini kebanyakannya berbau negatif dan berdasarkan pandangan yang bersifat perkauman atau prejudis rakyat dijajah. Penstereotaipan terjadi apabila khalayak luar terpengaruh dengan imaginasi yang direka oleh pembikin filem hingga tidak nampak realitinya bahawa khalayak tidak berkenalan sepenuhnya dengan negeri Sabah dan penduduk pribuminya yang dikonstruksi ke dalam sinematik.

Dalam salah sebuah teks pilihan, telefilem *Hatiku Di Kinabalu* pembikin filem cuba mengkonstruksi pemaparan lagu tempatan terkenal di Sabah iaitu *Sayang Kinabalu* sebagai premis kepada kepercayaan bahawa orang luar yang mahu mendaki Gunung Kinabalu perlu menghafal lagu *Sayang Kinabalu* untuk mengelak kemarahan nenek moyang. Gambaran ini sebagai sebuah sindiran sinikal kepada pribumi Sabah yang dicitrakan oleh pembikin filem sebagai masyarakat yang masih percaya perlu ada ucapan mantera sebagai tanda hormat kepada semangat atau penjaga sesebuah tempat pada zaman moden ini.

### c. Keterasingan

Isu ini turut membawa kepada berlakunya rasa keterasingan yang wujud dalam rakyat Sabah sendiri selepas kesan pengherotan dan penstereotaipan menerusi representasi yang ditonjolkan. Rasa keterasingan di sini melihat kepada masyarakat pribumi yang rasa kurang diintegrasikan bersama menerusi representasi yang dibina oleh pembikin filem. Keterasingan dilihat sebagai perasaan pemisahan yang menyebabkan masalah berpunca daripada perubahan sosial yang pesat seperti perindustrian dan perbandaran yang telah merosakkan hubungan tradisional dalam kalangan individu dan kumpulan. Pemaparan identiti 'keSabahan' yang ditonjolkan oleh pembikin filem ini sekaligus menimbulkan pandangan terhadap pribumi yang seolah-olah masih tidak membangun dan keterbelakang. Isu pembangunan di negeri Sabah seringkali menjadi perbincangan dalam kalangan rakyatnya sendiri yang mahukan Sabah terus membangun.

### WACANA KEDAERAHAN ERA 'PASCARANAU'

Pada 5 Jun 2015, negeri Sabah digegarkan dengan kejadian gempa bumi yang berpusat di kawasan Gunung Kinabalu. Beberapa hari sebelum gempa, tindakan beberapa orang pelancong asing berbogel di kawasan puncak gunung tersebut telah menimbulkan kemarahan kepada seluruh rakyat Sabah. Bidder *et al* (2014) majoriti masyarakat Kadazandusun percaya bahawa roh-roh nenek moyang mereka kekal bersemadi dan menjaga anak cucu mereka di puncak Gunung Kinabalu. Kemarahan pribumi Sabah mula diperkatakan melalui suara media massa dan laman-laman sosial yang menganggap peristiwa gempa tersebut dalam konteks cubaan isu mendewakan kesucian Gunung Kinabalu.

Peranan pembikin filem untuk membetulkan semula identiti 'keSabahan' yang dipotretkan dalam filem ini, seharusnya mengambil kaedah penyelidikan yang dianjurkan oleh Linda Tuhiwai Smith (1999) dalam *Decolonizing Methodologies: Research and Indigenous Peoples*. Menurut Smith, pemikiran pribumi perlu direkonstruksi semula menerusi pendefinisian semula konsep bangsa terjajah (pribumi). Smith mengemukakan tidak kurang dari 25 strategi atau pendekatan 'melawan' dalam usaha untuk menemukan pemaparan identiti pribumi yang asli termasuklah strategi membuat testimoni, pengkisahan, representasi dan menulis.

Barangkali, hal ini dapat difahami dengan lebih jelas melalui inisiatif dan pengalaman seorang aktivis filem tempatan, Nadira Ilana menerusi peranan beliau dalam menjalankan dokumentari pendek kisah-kisah masyarakat tempatan Dusun. Anak jati Sabah dari etnik Kadazan-Dusun ini telah mengambil inisiatif untuk mengadakan aktiviti khas *Big Stories Bongkud-Namaus* yang memaparkan keunikan dan kebudayaan masyarakat Dusun di Kampung Bongkud dan Namaus di Ranau, Sabah. Usaha yang dijalankan ini turut mendapatkan sokongan bersepadu daripada pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Usaha ini secara tak langsung memberi peluang untuk membentuk pemahaman yang lebih baik dalam kalangan orang luar yang mungkin mempunyai tanggapan berbeza terhadap kehidupan masyarakat pribumi di kawasan perkampungan luar di Sabah (Ect, 2016).

Peristiwa gempa ini diharapkan mampu membuka mata pihak pembikin filem terutama yang berpusat di Semenanjung untuk melihat Sabah daripada kaca mata berbeza untuk menkonstruksikan Sabah dengan lebih meluas. Pihak berwajib terutama pembikin filem dan pihak berkuasa sendiri termasuklah di industri kreatif hingga ke peringkat atasan (kerajaan) seharusnya lebih banyak membuat kajian dan turun padang bagi memahami dengan lanjut pemaparan identiti 'keSabahan' yang sepatutnya ditonjolkan kepada penonton.

Maka usaha dalam mengekalkan kerencaman nilai-nilai keunikan masyarakat di negeri yang ada, wujud peranan yang digalas oleh pembikin filem di Malaysia untuk mengkonstruksi sinematik ke atas identiti lokal, sekaligus sebagai sebahagian proses representasi masyarakat tersebut kepada khalayak luar. Turner (2006) menyatakan kita menjadi sebahagian daripada budaya, mempunyai identiti melalui bahasa, menghayati struktur sistem nilai dalam kehidupan kita melalui bahasa..

Filem tempatan yang dibikin sendiri oleh anak jati Malaysialah yang mampu memahami budaya tempatan, dalam masa sama berperanan sebagai agen mengangkat budaya dan refleksi lokal dalam kalangan khalayak. Produksi filem-filem tempatan pada masa kini sudah mula beralih arah dan mengambil pendekatan dengan penggunaan dialek dalam pertuturan seharian sebagai tarikan dalam filem yang dihasilkan. Secara tak langsung, ini telah dapat menonjolkan dialek-dialek daerah yang terdapat di negara ini, khususnya untuk pengetahuan masyarakat luar akan sedar kewujudan unsur kedaerahan bagi sesebuah kawasan tempatan yang ada di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Pemaparan identiti masyarakat Sabah yang ditonjolkan oleh pembikin filem seharusnya diteliti semula untuk melihat sejauh mana pribumi Sabah ini dikonstruksi dengan telus atau hanya berlandaskan imaginasi yang lebih banyak direka oleh pembikin filem. Konstruksi ‘keSabahan’ dipaparkan dalam filem tempatan adalah mengikut imaginasi pembikin filem yang majoritinya berpusat di Semenanjung. Maka tidak semua keunikan dan keunggulan warisan yang dimiliki pribuminya dapat ditonjolkan dengan sebaiknya yang memberi representasi identiti pribumi Sabah di landasan yang telus. Pemaparan identiti masyarakat Sabah dalam filem tempatan umumnya wajar serta boleh dijadikan sebagai titik-tolak sebuah pendirian betapa terdapat pencerahan penting yang perlu disuarakan dalam makalah ini terutamanya terhadap identiti pribumi Sabah yang tidak dipaparkan dalam landasan yang benar. Tidak semua pribumi Sabah itu direpresentasikan dengan adil lagi bernuansa melainkan watak-wataknya menjadikan suara dan identiti mereka terus terpinggir berbanding teraju utama yang bukan ‘asli’ Sabah, dari segi kerakyatan dan penghayatan aktor-aktornya.

## **PENGHARGAAN**

Makalah ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah geran FRGS berkod FRGS/1/2014/STWN09/UKM/02/2 yang sedang berjalan.

## **BIODATA PENULIS**

*Faiznur Farhana Jaafar* adalah pelajar siswazah dan pembantu penyelidik di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif (IMIK), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulisan tesis sarjana beliau mengenai wacana parokialisme dalam filem tempatan kini di peringkat akhir. Emel: [faiznurfarhanajfr@gmail.com](mailto:faiznurfarhanajfr@gmail.com)

*Badrul Redzuan Abu Hassan* adalah pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif (IMIK), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau sedang membina kepakaran penyelidikan dalam bidang Kajian Media dan Budaya. Emel: [brah@ukm.edu.my](mailto:brah@ukm.edu.my)

*Roslina Abdul Latiff* adalah pensyarah kanan di Taylor’s University yang memiliki pengalaman dan kepakaran dalam bidang kewartawanan dan penyiaran. Penulisan terkini beliau telah



diterbitkan di Kanada, Jepun dan Greece serta diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun dan Greek.  
Emel: [roslina.abdullatif@taylor.edu.my](mailto:roslina.abdullatif@taylor.edu.my)

## RUJUKAN

- Ahmad, H. 2013. Pemeraksanaan aset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*.
- Allport, G. W. 1954. *The Nature of Prejudice*. Cambridge.
- BERNAMA. 2010. Penyanyi Lagu Pelancongan Sabah 'Sayang Kinabalu' Meninggal Dunia. Dimuat turun pada 18 April 2016 daripada [http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=502918](http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=502918)
- Bidder, C. 2014. Mount Kinabalu: the Sacred Emblem of the First UNESCO World Heritage Site on Borneo. *Tourism, Leisure and Global Change*, Volume 1.
- Butt, N. & Price, M. F. 1999. Mountain people, forests, and trees: Strategies for balancing local management and outside interests. *A synthesis of an electronic conference of the Mountain Forum*.
- Che Omar H. 2012. Analisis Wacana Kritis Dalam Program Televisyen Raja Lawak Dan Implikasinya Terhadap Psikososial Audiens Di Malaysia. *Jurnal Bahasa*, Volume 12 (60-86).
- Childs P, William P. 1997. *An Introduction to Post-colonial Theory*. Prentice Hall.
- Dent C M, Dosch J. 2012. *The Asia-Pasific, Regionalism and The Global System*. Edward Elgar Publishing Limited.
- Deric Ect. 2016. Daily Seni. World Premiere Of 'Big Stories' In Rural Sabah Festive, Sheds Light On Dusun Community. Dimuat turun pada 10 April 2016 daripada <http://www.dailyseni.com.my/v3/big-stories-bongkud-namaus/>
- Edgar et al. 2004. *Key Concepts in Cultural Theory*. Routledge.
- Er, A, C. 2014. An Evaluation Of The Ecotourism Development Pathway. *International Journal* Volume 1.
- Fanon, F. 2008. *Black Skin, White Mask*. Trans. Pluto Press.
- Fairclough, N. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. Longman.
- Hiew K. C. 2012. Pembangunan Sabah 15 Tahun Di Belakang Malaya? Dimuat turun pada 15 Februari 2016 daripada <http://www.sabahdaily.com/2012/03/pembangunan-sabah-15-tahun-dibelakang.html>
- Khan H. A. 2013. *Teater Filem dan Pengurusan Seni*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. Mengenai Sabah. Dimuat turun pada 9 Mac 2016 daripada <http://www.sabah.gov.my/main/ms-MY/Home/About>
- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. Lambang Negeri Sabah. Dimuat turun pada 9 Mac 2016 daripada <http://ww2.sabah.gov.my/pd.nbw/dcm/doc-60.html>
- Muhammad, A. 2010. *120 Malay Movies*. Matahari Books.
- Mushtaq, H. 2010. Othering, Stereotyping And Hybridity In Fiction: A Postcolonial Analysis Of Conrad's *Heart Of Darkness* (1899) And Coetzee's *Waiting For The Barbarians* (1980). *Journal Of Language And Literature*.
- Omar R, Atoma, P. 2009. Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik dimuat turun daripada [http://eprints.utm.my/14774/1/RozeytaOmar2009\\_PluralitiBudayadanEtnikdiAlamMelayu.pdf](http://eprints.utm.my/14774/1/RozeytaOmar2009_PluralitiBudayadanEtnikdiAlamMelayu.pdf)
- Pino, G. 2000. *The Right to Personal Identity in Italian Private Law: Constitutional Interpretation and Judge-Made Rights. in The Harmonization of Private Law in Europe*. Oxford Publishing.
- Said, E. 1978. *Orientalism*. Vintage.
- Said, E. 1993. *Culture and Imperialisme*. Vintage.
- Smith, L. T. 1999. *Decolonizing Methodologies: Research and Indigenous Peoples*. Zed Books.
- TAS, M. R. 2011. Alienation, Naipaul And Mr Biswas. *International Journal of Humanities and Social Science*. Volume 1(11).
- Turner, G. 2006. *Film as Social Practice*. Routledge.
- Yeoh, S.G. 2010. *Media, Culture and Society in Malaysia*. Routledge.
- Akinabalu*. 2010. Arahan Khabir Bhatia. Filmscape Sdn. Bhd.
- Gerimis Mengundang*. 2012. Arahan Ahmad Idham. Excellent Pictures. E-Rama Creative.
- Hatiku Di Kinabalu*. 2011. Arahan MJ Woo & Carolyn Wong. Ambang Fokus.